

# Buletin MPSP 09'

Keluaran Jun - Disember 09'  
Jabatan Kemasyarakatan  
Majlis Perbandaran Seberang Perai  
Jalan Perda Utama  
14000 Bukit Mertajam  
Tel: 04-5497455/6/7

## Kandungan

- \* Sekapur Sireh Seulas Pinang
- \* Sambutan Hari Majlis 2009
- \* Hari Q
- \* Q Explorace
- \* MPSP Memerangi H1N1
- \* Sambutan Kemerdekaan
- \* Jamuan Aidilfitri MPSP
- \* Perhimpunan Warga MPSP
- \* Golf Sempena Hari Kelahiran TYT
- \* Hari Lanskap Negara
- \* Kuatkuasa Kutipan Letak Kereta di K.Batas N. Tebal
- \* Bayar Cukai Awal Dapat Kupon Letak Kereta
- \* Pengredan Premis Makanan
- \* Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, **Jabatan Baru Di MPSP**
- \* Lawatan Oleh Majlis Perbandaran Sepang
- \* Lawatan Oleh Hat Yai City Municipality
- \* Tahniah Pasukan Ten Pen Bowling MPSP
- \* UKAS MPSP Bertakhta Disinggah Sana
- \* 2 by 2
- \* Sireh Junjung

Penaung: Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait,  
Yang Dipertua  
Penasihat: Encik Zainol Abidin bin Mohd Noh,  
Setiausaha Perbandaran  
Ketua Editor: Encik Wan Junaidy bin.Yahaya  
Editor: Encik Sofian bin Shaari  
Jurugambar: Encik Sheikh Zakaria bin Sheikh Ahmad  
Percetakan : Muhamad Shaharul bin Ishak

## Sekapur Sireh Seulas Pinang

Menyedari kesan daripada proses perbandaran yang rancak, MPSP akan terus memantau semua proses yang terlibat secara terus dengan MPSP. Tahniah di atas kesungguhan kakitangan MPSP untuk menaiktaraf persijilan MS ISO dari siri MS ISO 9001:2000 kepada MS ISO 9001:2008 yang merupakan PBT pertama di Malaysia sedang giat berusaha ke arah itu. Usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mesti berterusan supaya ianya terus relevan kepada masyarakat. MPSP menyedari kepentingan penggunaan ICT dalam meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan serta maklumat. Melalui ICT juga MPSP terus melaksanakan ketelusan dalam perkhidmatan. Penggunaan sistem pesanan ringkas atau (SMS) secara dalaman terbukti telah mempercepatkan tempoh tindakan diambil terhadap aduan. MPSP juga telah melaksanakan penggunaan nombor My Kad pelanggan sebagai nombor rujukan tunggal dalam pelbagai urusan dengan MPSP. Maklumat-maklumat ini juga dapat dicapai oleh pelanggan sekiranya mereka mendaftar dengan perkhidmatan online melalui My Kad yang boleh dicapai melalui [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Cabaran utama MPSP masa kini ialah membangunkan modal insan yang berkualiti sejajar dengan tuntutan semasa dan penumpuan kepada aspek inovasi dan kreativiti dalam proses merancang dan mengurus sumber.



**TUAN HAJI MOKHTAR BIN MOHD. JAIT**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Seberang Perai



## 1 Julai 2009 : Sambutan Hari Majlis 2009

Hari Majlis 2009 disambut sederhana pada kali ini. Pengisian program secara ringkas membolehkan sambutan diteruskan seperti kelaziman oleh seluruh warga kerja MPSP.

Program sambutan dimulakan dengan perhimpunan seluruh warga kerja MPSP bersama dengan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Ahli Majlis – Ahli Majlis MPSP. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Mokhtar bin Mohd. Jait, dan seterusnya ucapan oleh Y.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Dalam ucapan aluan Tuan Yang Dipertua, beliau menegaskan supaya warga MPSP sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja dengan semangat baru, supaya MPSP dapat membina kejayaan baru dengan keazaman baru supaya perkhidmatan yang kita berikan lebih bermakna dan dihargai.



## Anugerah Q

Selain itu program hari ini turut diisi dengan majlis anugerah pengiktirafan kepada Zon yang telah berjaya dalam amalan 5S / QE selepas pengauditan oleh audit dalaman. Zon RAFFLESIA (Tkt 11, Jabatan Kemasyarakatan) telah berjaya mendapat pengiktirafan Zon QE / 5S terbaik di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis turut diisi dengan penyampaian sijil penghargaan kepada kakitangan yang berjaya memberi cadangan inovatif dalam meningkatkan mutu perkhidmatan.



## 1 Julai 2009 : Sambutan Hari Q

Program Hari Q peringkat MPSP turut diadakan bersempena dengan sambutan Hari Majlis. Majlis turut melancarkan polis program kualiti baru sejajar dengan hasrat YDP dan seluruh warga kerja MPSP untuk sama-sama memberi nafas baru kepada kaedah penyampaian perkhidmatan MPSP kepada masyarakat. Turut dilancarkan pada hari ini ialah kempen ke arah persijilan QE (Qualiti Enveronment) yang dahulunya dikenali sebagai amalan 5S. MPSP komited untuk mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang berkualiti.



## Q Xplorace



### **Q Xplorace**

Mengisi program sambutan Hari Q dan pelancaran polisi Program Kualiti MPSP yang baru, satu program Q Xplorace telah diadakan sebagai langkah awal meningkatkan kefahaman dan pengetahuan warga kerja MPSP terhadap hasrat MPSP dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, yang memenuhi pengharapan pelanggan kepada perkhidmatan yang diberikan.

Pertandingan dalaman secara berkumpulan (4 sepasukan) ini telah menarik minat lebih 200 kakitangan untuk menyertainya. Acara dilepaskan oleh EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Y.B. Chow Kon Yeow.



### 14 Ogos 2009 : Memerangi H1N1

MPSP tidak ketinggalan dalam menanggani wabak Influenza A H1N1. Satu taklimat tentang penjagaan kebersihan dalam menangani dan mencegah virus H1N1 merebak telah diadakan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth. Program yang dirasmikan oleh EXCO Kesihatan Dan Kebajikan Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar, Y.B. Phee Boon Poh turut disertai Pegawai Kesihatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, memberi taklimat tentang kaedah dan cara menangani serta tindakan awal pencegahan H1N1. Selain dari taklimat dan pemberian topeng muka percuma kepada peserta, aktiviti pameran turut diadakan bersempena program tersebut. Pameran berkaitan kaedah penyediaan makanan yang selamat, kitar semula dan program LA 21 seperti projek membuat mudball, sabun dari sisa minyak dapur dan penghasilan EM.



### 09 Oktober 2009 : Jamuan Aidilfitri MPSP

Jamuan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2009 diadakan dengan meriah di Lobi Ibupejabat MPSP Bandar Perda. Setiap jabatan berganding bahu untuk menjayakan program ini. Warga MPSP berbilang bangsa meraikannya, meningkatkan ukhwah, perpaduan, dan toleransi.



### 31 Ogos 2009 : Sambutan Kemerdekaan

Buat julung kalinya Majlis Perarakan Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan di Bandar Perda Bukit Mertajam. Sambutan Kemerdekaan yang jatuh dalam bulan Ramadhan tidak menghalang program perarakan sempena sambutan kemerdekaan peringkat negeri diadakan. Tuan Yang Terutama, Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas turut sama menyaksikan perarakan penuh gemilang ini. Warga Bandar Perda berhimpun seawal pagi menyaksikan perarakan dan perhimpunan seluruh agensi berpakaian seragam. Turut sama dalam perarakan adalah agensi-agensi kerajaan lain di Negeri Pulau Pinang dan institusi pendidikan. Dalam perarakan ini Kontingen MPSP mendapat tempat ke-3.




## 10 November 2009 : Perhimpunan Warga MPSP

Perhimpunan Warga MPSP kali ke-5 tahun 2009 telah diadakan di hadapan lobi bangunan ibu pejabat MPSP Bandar Perda. Buat julung kalinya Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri, telah dijemput untuk bersama-sama dengan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis bermula pada jam 8.30 pagi ini didahului dengan nyanyian lagu Negaraku dan Untuk Negeri Kita serta Jayalah MPSP. Seramai 1000 kakitangan yang bertugas di bangunan Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan Jalan Betik.

Dalam ucapannya beliau menegaskan bahawa MPSP perlu seiring dengan Kerjaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa. Untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa, usaha ini hendaklah dimulakan dari peringkat agensi negeri seperti MPSP. Bukan setakat menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa interaksi dengan pelanggan sahaja tetapi, gaya kerja, mutu perkhidmatan yang diberikan, pemikiran dan ideologi pekerja dalam menjalankan tugas juga hendaklah bersifat antarabangsa.

Kaedah-kaedah lapuk yang melambatkan sesuatu proses hendaklah ditukar dan diganti dengan kaedah-kaedah baru yang lebih sistematik dan efisyen berteraskan konsep cekap, akauntabiliti dan telus serta berintegriti. Semua penjawat awam di Negeri Pulau Pinang hendaklah mempunyai nilai-nilai positif dalam diri dan keluarga yang akhirnya akan membawa kepada hasil kerja yang positif dalam penyampaian perkhidmatan sebagai penjawat awam.



**27 September 2009 : Golf Sempena  
Hari Kelahiran TYT**

Pertandingan Golf Sempena Hari Kelahiran TYT telah dianjurkan bersempena dengan sambutan hari kelahiran Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Abbas.

Pertandingan pada tahun ini yang telah diadakan di Penang Golf Resort, Kepala Batas turut mendapat perkenan kerabat diraja dengan penyertaan oleh KDYMM Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, KDYMM Sultanah Hajjah Haminah Binti Haji Hamidun dan Tunku Panglima Besar, Datuk Seri Intan Safinaz Binti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.



Pertandingan kali ini dianjurkan bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan UDA Holdings Bhd. sebagai penaja utama, telah menarik minat seramai 300 golfer untuk bersama-sama dengan Tuanku.



## 14 November 2009 : Hari Lanskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang

Buat pertama kalinya Ibu Pejabat MPSP di Bandar Perda dipilih untuk sambutan Hari Lanskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sambutan Hari Lanskap Tahun 2009 bertemakan "Lanskap Warisan Kita" dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman bin Abbas. Turut hadir sama ialah Toh Puan Seri Datin Hajjah Majimor binti Shariff. Teksi Ucapan Ketua Menteri Pulau Pinang telah dibacakan oleh Y.B. Phee Boon Poh, EXCO Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar.

Majlis diisi dengan pertunjukan "coral speaking" oleh 30 oleh pelajar-pelajar dari SMK Convent Butterworth, berkaitan penjagaan alam sekitar. Majlis penyerahan pokok kepada semua Pegawai Daerah Negeri Pulau Pinang sebagai simbolik pelancaran kempen menanam pokok seluruh Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Terutama kemudiannya dibawa melawat ketempat-tempat penganjuran aktiviti luar sempena Program Hari Lanskap Negara seperti Pertandingan Mewarna, Booth Pameran dan Gerai Jualan pokok-pokok bunga hiasan. Aktiviti pameran turut disertai oleh agensi-agensi kerajaan sempena sambutan Hari Lanskap Negara Tahun 2009 seperti dari Pasukan LA 21 MPSP, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Perhutanan, Universiti Sains Malaysia dan lain-lain.



## Kuatuasa Kutipan Letak Kereta di Kepala Batas dan Nibong Tebal

Kawasan Kepala Batas di Seberang Perai Utara dan Kawasan Nibong Tebal di Seberang Perai Selatan akan dikuatkuasakan kutipan tempat letak kereta bermula pada 01 November 2009 keatas semua tempat yang telah diwartakan sebagai petak letak kereta berkupon berdasarkan arahan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995.

Semua pemilik kenderaan dinasihatkan untuk memamerkan kupon letak kereta yang sah dari MPSP.

Kupon-kupon boleh didapati daripada agen-agen yang dilantik oleh MPSP dan kedai PESUKA di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda. Orang awam yang berminat menjadi agen adalah dipelawa untuk memohon.

## Pengredan Premis Makanan

Program Pengredan Premis Makanan sedang dilaksanakan. Penilaian dan pengredan premis makanan dijalankan oleh Panel Penilaian MPSP bermula dari 21/11/09 - 14/12/09. Program ini bertujuan memberi pelekat bagi premis yang mendapat status gred 'A' & 'B' untuk dipamerkan kepada orang awam.

Berikut adalah objektif Pengredan Premis Makanan :-

- Memberi kemudahan kepada pengguna dalam membuat pilihan premis makanan disesuatu tempat tumpuan orang ramai.
- Meningkatkan tahap kebersihan, penyajian, keselamatan dan kualiti makanan yang disediakan di premis makanan di Seberang Perai.
- Menanam sifat dan amalan kebersihan diri yang baik dikalangan pengusaha dan pengendali makanan.
- Mempermudahkan premis makanan agar sentiasa menjaga pencapaian kebersihan premis mereka ditaraf tertinggi

Penilaian yang dijalankan bertujuan untuk menentukan tahap kebersihan premis makanan.

### Gred - Markah

- |          |                                |
|----------|--------------------------------|
| <b>A</b> | - 80% hingga 100%              |
| <b>B</b> | - 65% hingga 79%               |
| <b>C</b> | - 50% hingga 64%               |
| <b>D</b> | - 50% hingga 0% (tutup premis) |

## Bayar Cukai Awal Dapat Kupon Letak Kereta

Cenderahati berbentuk kupon harian letak kereta akan diberikan kepada pembayar cukai taksiran yang menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi tahun 2010 berserta tunggakan bermula 01 Disember 2009 hingga 31 Disember 2009.

MPSP telah menyediakan 17,000 keping kupon harian letak kereta yang bernilai RM51,000.00. Pemberian ini adalah terhad kepada maksimum RM150 atau 5 buah buku kupon harian letak kereta sahaja mengikut terma & syarat.

Cenderahati boleh dituntut di kaunter bayaran Bandar Perda, Bukit Mertajam sahaja sementara stok masih ada.

Bagi premis yang mendapat gred D, tindakan di bawah Seksyen 11 (penutupan premis tidak suci) Akta Makanan 1983 iaitu penutupan premis secara serta merta tidak lebih daripada 14 hari. Ingkar perintah ini boleh dikenakan penjara selama tidak lebih 5 tahun atau denda.

### Kriteria Penilaian

- Keselamatan makanan, perlindungan makanan, kawalan suhu semasa proses penyimpanan, penyediaan, pameran dan penghidangan.
- Kebersihan diri dan kesihatan pengendali makanan.
- Kebersihan peralatan dan perkakasan makanan serta kemudahan mencuci.
- Kebersihan dan penyimpanan bahan makanan mentah.
- Keselamatan bekalan air dan sambungan bekalan air paip.
- Sistem perlimbahan yang berfungsi dengan baik serta pemasangan perangkap minyak yang sempurna.
- Kemudahan tandas dan mencuci tangan yang bersih dan berfungsi dengan baik.
- Pengurusan pembuangan sampah dan sisa dapur.
- Bangunan (Lantai,Dinding & Siling), pencahayaan dan pengudaraan.
- Kawalan serangga, rodensia (tikus), dan haiwan peliharaan.

### **15 Oktober 2009 : Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Jabatan Baru Di MPSP.**

MPSP telah menubuhkan jabatan baru yang dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Jabatan ini wujud hasil dari penyatuan sebahagian daripada fungsi utama perkhidmatan 3 jabatan yang digabungkan iaitu Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perbandaran, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan.

Fungsi utama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ialah pembersihan am, penyelenggaraan taman dan pengindahan serta penyelenggaraan parit dan longkang.

Berikut itu Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perbandaran kini dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan dikenali sebagai Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan baru dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Pembentukan jabatan ini juga melibatkan proses transformasi tenaga buruh secara besar-besaran jabatan-jabatan terlibat untuk memperkasakan perkhidmatan MPSP.

### **05 Ogos 2009 : Lawatan Majlis Perbandaran Sepang**

Majlis menerima kunjungan dan lawatan kerja dari Majlis Perbandaran Sepang seramai 20 orang. Lawatan bertujuan untuk mempelajari sistem -sistem aplikasi yang digunakan di MPSP seperti Sistem Penilaian, Sistem Cukai taksiran, Sistem Kutipan, Sistem Sewaan, Sistem Pelesenan, Sistem Kompaun dan semua sistem yang melibatkan perkhidmatan atas talian (online).

### **14 Ogos 2009 : Tahniah Pasukan Tenpin Bowling MPSP**

Tahniah diucapkan kepada Pasukan Ten-Pin Boling Majlis atas kejayaan di Kejohanan Moh Kite Bowling Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Majlis Bandaraya Ipoh. Kejohanan ini telah diadakan pada 14 Ogos 2009. 60 pasukan telah menyertai kejohanan ini. Pasukan A Tenpin Bowling telah memenangi Kategori Berpasukan. Pemain-pemain adalah En. Ahmad Sabri Ismail, En. Muhamat Basir Ramli dan En. Zulhisham Abdullah. Bagi kategori High Game Individu dimenangi oleh En. Ahmad Sabri Ismail bagi game pertama dan En. Muhamad Suhaimi Ramli bagi game kedua. Tahniah di atas kejayaan ini.

### **05 Ogos 2009 : Lawatan Hat Yai Municipality**

MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Hat Yai City Municipality seramai 70 orang dari pelbagai peringkat jawatan. Tujuan lawatan ialah untuk melihat dan mempelajari struktur organisasi MPSP, pengurusan Kaunter Berpusat dan OSC, peranan Skuad Khas.

### **30 September 2009 : UKAS MPSP Bertakhta Di Singgahsana**

UKAS MPSP membuktikan kemampuan apabila kesebelasan utamanya telah berjaya menjuarai liga bolasepak divisyen 1 SPT. Perlawanan secara bersiri ini telah membuka ruang kepada UKAS MPSP untuk menunjukkan kesungguhan dan membuktikan kemampuan MPSP untuk bertakhta di singgahsana liga. Pada perlawanan terakhir yang menobatkan UKAS MPSP pada sabtu lalu melihatkan UKAS MPSP membenam Juru FC 6-0.

## 2 by 2



## Sireh Junjung





*Catatan*